

Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Berita Harian - B&W
Ekonomi, P. 28 (1 of 1)

Date: November 7, 2007

55 lagi syarikat minat labur di Pelabuhan Klang

EKONOMI

Tel: 03-22822323 • Faks: 22822425 • bhbiz@bharian.com.my

55 lagi syarikat minat labur di Pelabuhan Klang

Firma tempatan, asing sedia laksana suntikan modal RM610 juta

Oleh Zainab Mohd Yatim
dan Amin Ridzuan Ishak

ZON Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang sehingga ini menarik pelaburan asing bernilai RM725 juta, kini berunding dengan 55 syarikat lagi untuk memulakan operasi di kawasan perindustrian dan komersial berkenaan membabitkan nilai pelaburan kira-kira RM610 juta.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, berkata rundingan itu meliputi syarikat tempatan dan luar negara, khususnya yang terabit dalam bidang eksport, yang berminat untuk beroperasi di PKFZ.

Katanya, perbincangan itu kini memasuki pelbagai peringkat rundingan dan kemungkinan empat syarikat asing, termasuk syarikat besar, akan memulakan operasi dalam tempoh dua bulan lagi.

"Dijangkakan lebih banyak syarikat akan beroperasi menjelang awal tahun depan dengan nilai pelaburan

melempi RM1 bilion," katanya sambil menambah ketika ini 35 syarikat beroperasi di PKFZ dan mewujudkan kira-kira 850 pekerjaan.

Beliau kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Tahunan Ketujuh Zon Bebas Dunia, di Kuala Lumpur, semalam.

Chan menjelaskan, perkembangan positif di PKFZ dengan aktiviti import dan eksport yang semakin berkembang akan meningkatkan kedudukan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan penting di dunia.

Bagi menarik lebih banyak pelaburan ke zon perdagangan bebas berkenaan, katanya, kerajaan sedang melengkapkannya dengan kemudahan bersepadu termasuk fret, insurans dan perbankan, sebelum siap sepenuhnya pada pertengahan tahun depan.

Zon perdagangan bebas itu yang akan selesai pembinaannya pada pertengahan tahun depan, menasarkankan kadar langganan 80 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang dan me-

nyediakan 20,000 peluang pekerjaan.

Chan berkata, setakat ini RM2.9 bilion dilabur untuk melengkapkan zon terbabit dengan kemudahan infrastruktur yang diperlukan.

PKFZ adalah zon bebas perindustrian dan komersial bersepadu pertama di Malaysia yang mula dibuka kepada pelabur November, tahun lalu.

Terdahulu dalam ucapannya, Chan berkata, untuk kekal berdaya saing, negara perdagangan perlu melihat dengan serius mengenai pemudah cara perdagangan dan bagaimana untuk menjadikan proses perdagangan keseluruhan lebih mudah serta lancar.

Katanya, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mentafsirkan pemudah cara sebagai 'memudah dan mengharmonikan' prosedur perdagangan antarabangsa.

Beliau berkata, ia merangkumi aktiviti, amalan dan prosedur berkaitan pungutan, persembahan, komunikasi dan pemrosesan data yang diperlukan bagi pergerakan barangan dalam perdagangan antarabangsa.

"Dalam kata mudah, jadikan aliran barangan lebih pantas dengan meminimumkan gangguan dan sebagai negara yang peka, Malaysia sejak 1980-an memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pergerakan barangan antara negara," katanya.

FAKTA NOMBOR

Zon Bebas Pelabuhan Klang

35

Syarikat beroperasi

850

Pekerjaan diwujudkan